

FOTO: RAFI MAMAT



DR Daing (kiri) bertemu Siti Hawa selepas majlis CITREX 2013 di Kompleks Sukan UMP, Kuantan.

'Pembakar semangat saya'

■ Gadis OKU azam guna kemahiran bidang komputer hasil lebih banyak perisian

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@mediaprima.com.my
Kuantan

"Keayaan membanggakan ini akan menjadi pembakar semangat kepada saya untuk terus menghasilkan lebih banyak perisian bagi kegunaan dalam pelbagai sektor.

"Kemahiran yang ada akan digunakan sepenuhnya untuk saya buktikan anak Melayu mampu bersaing dalam bidang komputer," kata gadis orang kelainan upaya (OKU), Siti Hawa Apandi, 24.

Bekas pelajar Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian (FSKPP)

Universiti Malaysia Pahang (UMP) itu, antara 87 pelajar yang menyertai pertandingan penyelidikan sempena Pameran Kreativiti, Inovasi, Teknologi dan Penyelidikan (CITREX) 2013.

Program tiga hari itu dianjurkan Jabatan Penyelidikan dan Inovasi dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP di Kompleks Sukan UMP, berakhir kelmarin.

Siti Hawa yang juga memegang Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Komputer) UMP menghasilkan sistem rekod kedatangan pelajar sekolah dikenali 'Smart Attendance' meraih pingat emas dan anugerah 'Best Of The Best'

kategori pelajar.

Pemenang pingat emas dan anugerah 'Best Of The Best' kategori kakitangan UMP dimenangi pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA), Prof Madya Dr Mimi Sakinah Abdul Munaim dengan projek bertajuk 'Xymas'.

Anugerah khas teknologi hijau dimenangi pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam (FKASA), Mohd Najib Razali, yang menghasilkan sistem penapisan minyak.

Siti Hawa yang menggunakan kerusi roda berkata, sistem aplikasi dihasilkan memberi kemudahan kepada guru menyemak rekod kedatangan pelajar secara cepat, mudah dan tepat.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.